

# Kursus Pengurusan Fail & Rekod FSSA

---

Satu Kursus Pengurusan Fail & Rekod telah diadakan pada 21 Ogos 2014 bertempat di Bilik Seminar FSSA dan telah disampaikan oleh Pn. Mashilla Nilus, Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Pendaftar. Kursus ini yang julung kali di adakan telah disertai oleh seramai 30 peserta yang terdiri daripada semua kakitangan sokongan Pentadbiran dan waki-wakil kakitangan sokongan makmal FSSA. Ianya telah dirasmikan oleh Dekan FSSA sendiri iaitu Prof. Madya Dr. Baba Musta.

Tujuan kursus ini di adakan untuk memberikan pendedahan, nilai tambah dan latihan praktikal kepada semua peserta berkenaan pengurusan fail dan kaedah pelupusan mengikut peraturan yang diterimapakai oleh Universiti berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh Arkib Negara. Secara keseluruhannya, kursus ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan diharapkan kursus seperti ini akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa demi kebaikan Fakulti dan Universiti.